

SASTERA & BUDAYA

Bahasa Melayu kian lenyap di bumi Satun

Dasar pendidikan, utama bahasa Thai sejak 10 tahun sekat perkembangan warisan

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

► Bangi

Bahasa Melayu mungkin akan pupus dalam masyarakat Melayu keturunan Thai di Satun, selatan Thailand berdasarkan kajian terkini Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Nor Hashimah Jalaluddin.

Nor Hashimah berkata, antara sebab kemungkinan itu adalah dasar pendidikan di negara berkenaan sejak 10 tahun kebelakangan ini lebih menekankan kepada bahasa Thai.

"Kita khawatir penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi Melayu Thai di Satun akan lenyap berdasarkan hakikat harya golongan tua yang masih bertutur

dalam dialek Melayu Satun yang menyerupai dialek Kedah.

"Hal ini boleh dilihat berdasarkan kajian di Mukim Che Hilang, Tammalang dan Ban Khuang yang diketahui mempunyai penutur bahasa Melayu yang ramai," katanya pada Wacana ATMA bertajuk Pelestarian Bahasa dan Budaya Melayu Masyarakat Thai dan Langkawi di ATMA, UKM di sini.

Tegas beliau, bahasa Melayu yang dituturkan di sana juga banyak dipengaruhi struktur bahasa Thai seperti penggunaan eka suku kata seperti lepat menjadi pat, ayam (ayap) dan ikan (ikat).

Berniaga kecil-kecilan

"Bagaimanapun, dalam kalangan masyarakat Melayu Thai yang berasal dari Satun dan berhijrah ke Langkawi, penggunaan bahasa Melayu mereka masih meluas.

"Kelompok ini membentuk penempatan mereka sendiri di sekitar Ayer Hangat, Ulu Melaka, Kedawang dan Pulau Tuba.

"Kebanyakan mereka berniaga kecil-kecilan sebagai sumber pendapatan dan ada sebahagiannya mengahwini masyarakat Melayu tempatan, selain kerap berulang-alik antara Langkawi dengan Satun," katanya.

Tegas Nor Hashimah, masyarakat keturunan Thai di Langkawi dan Wilayah Satun sangat kental dalam mengekalkan kebudayaan dan identiti mereka yang boleh



Nor Hashimah (empat dari kanan) pada Wacana ATMA di ATMA, Bangi, baru-baru ini.

Info

Wilayah Satun

- 80 peratus daripada masyarakat di wilayah itu daripada keturunan Thai.

- Mereka menuturkan dialek Melayu Satun yang aspek fonologinya mirip dengan dialek Kedah.

dilihat dari segi makanan, pakaian dan artifak.

Keturunan Thai di Langkawi

Kehadiran mereka di Langkawi juga disambut baik oleh masyarakat tempatan berdasarkan ikatan sejarah, selain kebudayaan dan agama yang sama.

Di Pulau Tuba misalnya, orang keturunan Thai dikenali sebagai sam sam yang bermaksud orang Siam yang beragama Islam dengan kebanyakan lelaki keturunan Thai di situ bekerja sebagai nelayan.

Untuk rekod, sejarah mencatatkan Satun atau disebut juga sebagai Setul sebagai wilayah terakhir di Kedah yang jatuh ke tangan Siam yang mula memerintah Satun pada 1813 sebelum dikembalikan kepada Kedah pada 1897.

Bagaimanapun, Satun kembali menjadi milik Siam apabila Perjanjian Bangkok ditandatangani pada 1909 yang menyaksikan Kedah bukan sahaja kehilangan Satun, bahkan Wilayah Sadang, Pulau Terutau dan pulau sekitarnya, selain Wilayah Pujoh.